

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN / BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN MOHD NOR  
[ CAMERON HIGHLANDS]**

**SOALAN NO. 371**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan jumlah koperasi Orang Asli dan apakah usaha Kementerian dalam membantu memperkasakan lagi koperasi Orang Asli.

**JAWAPAN**

1. Sehingga 28 Februari 2019, terdapat 89 buah koperasi Orang Asli di seluruh negara yang meliputi 7 negeri dengan keahlian seramai 11,590 orang. Negeri Pahang mempunyai koperasi Orang Asli tertinggi dengan 48 buah dan diikuti oleh Perak dengan 21 buah koperasi. Bantuan pembangunan sebanyak RM580,000 telah diberikan kepada koperasi Orang Asli sehingga 2018.
2. Adalah menjadi misi Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) untuk melebarkan bidang keusahawanan dan koperasi mencakupi semua segmen masyarakat secara inklusif termasuk B40.
3. Sehubungan itu, Kementerian melalui agensinya seperti Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Institut Koperasi Malaysia (IKM) bersedia bekerjasama dengan pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bagi membangunkan sosioekonomi masyarakat Orang Asli melalui koperasi. Selain daripada program penggalakan penubuhan koperasi oleh masyarakat Orang Asli, SKM juga memastikan koperasi-koperasi dapat berkembang dan ditadbir dengan baik melalui penyeliaan terus ke atas koperasi oleh pegawai penyelia pejabat SKM Wilayah di seluruh Negara. Penyeliaan ini termasuklah penyediaan akaun, pengurusan pentadbiran, perjalanan Mesyuarat Agung dan khidmat nasihat mengenai pembangunan perniagaan.

4. Selain itu, program pembangunan kapasiti modal insan kepada anggota lembaga koperasi Orang Asli dan Pegawai Ekonomi JAKOA turut dianjurkan oleh SKM dan IKM di semua wilayah sepanjang tahun bagi mewujudkan pengurusan koperasi Orang Asli yang lebih kompeten.
5. Pemantauan di peringkat kebangsaan kepada koperasi orang asli di seluruh negara juga dibuat melalui **Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan SKM/JAKOA** yang dipengerusikan bersama oleh Ketua Pengarah JAKOA dan Pengerusi Eksekutif SKM.
6. Susulan cadangan daripada Senator Dewan Negara, YB Dato' Mohd Isa, pada sesi Dewan Negara yang lalu, YB Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan telah membuat lawatan kerja ke Pos Yum dan Pos Kuala Mu di Sungai Siput, Perak pada 5 hingga 6 Mac 2019 bagi meninjau projek ekopelancongan yang dibangunkan oleh Koperasi Maju Asal Sungai Siput (U) Berhad dan Koperasi Orang Asli Pos Kuala Mu Sungai Siput (U) Berhad.
7. Kementerian mendapati bahawa terdapat potensi yang besar dalam bidang ekopelancongan di *chalet-chalet* yang diusahakan oleh kedua-dua koperasi tersebut memandangkan kawasan yang sangat indah, tidak tercemar dan menarik bagi peminat alam semula jadi.
8. Berdasarkan pemerhatian Kementerian melalui maklum balas ahli koperasi dan penduduk kampung, masih banyak usaha yang perlu dilakukan bagi memperbaiki serta meningkatkan mutu perkhidmatan *chalet* di sana. Antaranya ialah:
  - (a) meningkatkan latihan ekopelancongan;
  - (b) bantuan dalam menaiktaraf fasiliti *chalet*;
  - (c) bimbingan kursus keusahawanan dan pengurusan; dan
  - (d) kemudahan pembelian kenderaan pengangkutan untuk kemudahan pelancong yang menetap di *chalet* tersebut.
9. Pada masa ini, Kementerian sedang menunggu kertas kerja terperinci oleh pihak koperasi yang disediakan dengan bantuan pihak SKM dan JAKOA bagi mengenal pasti kemudahan, bantuan dan program yang sesuai untuk mereka.